UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

10 :30

5 November 2023

**Pelan Antirasuah**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
2023 - 2027

*baca lagi*

slide tab to read

UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

# PELAN ANTIRASUAH

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

2023 - 2027

# Isi Kandungan

**PENGENALAN** 4

1.1 Latar Belakang Organisasi (PLSP, ITTHO, KUiTTHO dan UTHM)

1.2 Halatuju GTU2030

**PENGURUSAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS UTHM** 7

2.1 Inisiatif Pemerkasaan Integriti Negara

2.2 Inisiatif Pemerkasaan Integriti UTHM

2.3 Penubuhan Jawatankuasa Antirasuah (JAR) UTHM

2.4 Penubuhan Jawatankuasa Governan, Pengurusan Risiko dan Integriti (JGPRI)

**MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH** 13

3.1 Pembangunan OACP UTHM

3.2 Pembentukan Jawatankuasa OACP UTHM

3.3 Membuat Analisa Risiko Rasuah UTHM

3.4 Pembentukan Pelan Antirasuah UTHM

3.5 Kerangka Pelan Antirasuah UTHM

**PELAN TINDAKAN PENCEGAHAN RASUAH** 23

**RUMUSAN** 42

**PENGHARGAAN** 43

# PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpahan rahmat dan keizinanNya yang memberikan peluang kepada UTHM untuk membangunkan Pelan Antirasuah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (OACP UTHM) 2023-2027.

Ucapan tahniah dan syabas diucapkan kepada Pihak Pengurusan Universiti dan ahli jawatankuasa yang terlibat memberikan komitmen menyeluruh dalam membantu mengenalpasti risiko di peringkat UTHM dan seterusnya merangka strategi serta inisiatif untuk menangani risiko-risiko tersebut.

Usaha membangunkan OACP ini menggambarkan komitmen dan kesungguhan warga UTHM dalam menjunjung visi Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 serta Pelan Antirasuah Kementerian Pengajian Tinggi 2022-2026 demi mencapai usaha 'Ke Arah Negara Bebas Rasuah'.

Semoga pelaksanaan OACP UTHM ini akan membantu meningkatkan usaha mewujudkan tadbir urus yang cekap, berkesan dan berintegriti serta mempraktikkan budaya integriti dikalangan warganya seterusnya mampu menjadi katalis kepada kegemilangan UTHM sehingga ke peringkat global. Wassalam.

**DATO' SRI IBRAHIM BIN AHMAD**
Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

# PENYATAAN KOMITMEN NAIB CANSELOR

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Allah SWT atas izin dan rahmatNya, UTHM berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (OACP UTHM) 2023-2027. Ucapan penghargaan dan terima kasih saya rakamkan kepada Lembaga Pengarah Universiti yang sentiasa menyokong usaha UTHM untuk membangunkan OACP ini. Syabas dan tahniah kepada seluruh jawatankuasa pelaksana yang telah berusaha membangunkan OACP ini demi membantu meningkatkan integriti dan kecemerlangan tadbir urus UTHM.

Seperti kita sedia maklum, rasuah adalah amalan yang tidak dapat diterima di mana-mana institusi, termasuk Universiti kita. Ia akan merosakkan kepercayaan masyarakat terhadap universiti dan menjejaskan integriti organisasi. Sebagai sebuah universiti yang berintegriti, kita perlu memastikan bahawa kita mempunyai mekanisme yang kukuh untuk mencegah dan mengesan kes-kes rasuah dalam organisasi kita. Oleh itu, OACP ini bertujuan untuk memastikan bahawa kita mempunyai prosedur yang jelas untuk melindungi integriti Universiti. Ini termasuk pemantauan ketat terhadap aktiviti kewangan universiti, pelaporan dan pengesahan pelbagai transaksi, pelaksanaan dasar yang jelas mengenai pemberian hadiah serta memastikan perkhidmatan yang diberikan oleh Universiti kepada semua pemegang taruh sentiasa mementingkan kualiti dan integriti.

Kita perlu bekerjasama untuk memastikan bahawa Universiti kita sentiasa bebas rasuah dan tiada salah guna kuasa. Akhir kata, saya ingin menyeru semua warga Universiti untuk memainkan peranan aktif dalam membudayakan integriti di Universiti ke arah menjadi sebuah Universiti bertaraf dunia.

**PROF. Ir. Ts. Dr. RUZAIRI BIN ABDUL RAHIM**
Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

## Latar Belakang Organisasi

### PLSP




16 September 1993
Pusat Latihan Staf Politeknik

### ITTHO



12 April 1996
Institut
Teknologi Tun Hussein Onn

### KUiTTHO




27 September 2000
Kolej Universiti Tun Hussein Onn

### UTHM



1 Februari 2007
Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia

# HAJA TUJU GTU 2030

## TRANSFORMASI GTU2030

### HALA TUJU

**Global Technopreneur University 2030**

### MISI

Menjadi universiti teknikal global dalam teknologi lestari dan pengangkutan

### VISI

Menyediakan penyelesaian teknikal untuk keperluan industri dan komuniti berasaskan paradigma tauhid

### OBJEKTIF UNIVERSITI

| Fungsi 1 | Fungsi 2 | Fungsi 3 | Fungsi 4 |
|---|---|---|---|
| UTHM Edu-Train | UTHM Technopreneur | UTHM Prihatin | UTHM Governance |

### NILAI BERSAMA

**Amanah | Profesional | Inovatif**



# PENGURUSAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS UTHM

# PENGURUSAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS UTHM

## 2.1 Inisiatif Pemerkasaan Integriti Negara

- **1982** – Kempen Bersih, Cekap dan Amanah
- **1983** – Kempen Kepimpinan Melalui Teladan
- **1985** – Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam
- **1987** – Etika Kerja Islam
- **1989** – Budaya Kerja Cemerlang
- **1990** – Anugerah Kualiti
- **1993** – Piagam Pelanggan
- **1996** – e-kerajaan dan MS ISO 9000
- **2002** – Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
- **2004** – Pelan Integriti Nasional (PIN)
- **2005** – Islam Hadhari
- **2010** – Program Transformasi Kerajaan (GTP) 1.0
- **2012** – Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0
- **2014** – Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU)
- **2019** – Pelan Antirasuah Nasional (NACP)

2.2 Inisiatif Pemerkasaan Integriti UTHM

**11 Januari 2015**
Penubuhan Jawatankuasa Tadbir Urus Universiti (JITU) UTHM

**13 Mei 2019**
Penubuhan Jawatankuasa Antirasuah (JAR)

**2020**
Garis Panduan Pemberian Dan Penerimaan Hadiah Untuk Staf (No Gift Policy)

**2021**
Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat

**2021**
Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan

**2021**
Penubuhan Jawatankuasa Governan, Pengurusan Risiko dan Integriti (JGPRI)

## 2.3 Penubuhan Jawatankuasa Antirasuah (JAR) UTHM

### Peranan Jawatankuasa

**Mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan empat (4) terma rujukan yang telah ditetapkan merangkumi Dasar, Perundangan dan Peraturan, Sistem dan Prosedur Kerja, Pengukuhan Governans dan Integriti, dan Pengesanan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan.**

### Keahlian Jawatankuasa

**Pengerusi - Naib Canselor**

**Setiausaha - Ketua Unit Integriti**

**Sekretariat - Unit Integriti**

**Ahli Tetap**

i. Ahli Jawatankuasa Eksekutif
ii. Ketua Jabatan Pengurusan Risiko
iii. Ketua Unit Audit Dalam
iv. Pegawai Undang-Undang
v. Ahli Turut Hadir - dijemput berdasarkan kesesuaian isu

2.4 Penubuhan Jawatankuasa Governan, Pengurusan Risiko dan Integriti (JGPRI)

## Peranan Jawatankuasa

**Mengelola, membuat dasar, mengawasi, memantau dan mempertimbangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar, polisi atau garis panduan melibatkan governan, pengurusan risiko dan integriti ke arah pentadbiran Universiti yang lebih cekap dan berkesan.**

## Keahlian Jawatankuasa

- **Pengerusi - Ahli LPU**
- **Setiausaha - Pengarah Bahagian Pengurusan Organisasi**
- **Sekretariat - Unit Governan dan Pengurusan Dasar**

- **Ahli Tetap**

i. Wakil SPRM
ii. Wakil Senat
iii. Penolong Naib Canselor Strategik dan Kualiti
iv. Penolong Naib Canselor Digital dan Infrastruktur
v. Penasihat Undang-Undang
vi. Pengarah Pejabat Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko
vii. Pengarah Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
viii. Ketua Unit Integriti
ix. Ketua Jabatan Pengurusan Risiko
x Ahli Turut Hadir – dijemput berdasarkan kesesuaian isu



# MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

3.1 Pembangunan OACP UTHM




Rajah 1: OACP UTHM dibina berdasarkan NACP dan OACP KPT

## Garis Masa Pembangunan OACP UTHM

1. **4 Julai 2022**
   Penubuhan Taskforce Antirasuah (CRM dan OACP)
2. **28-30 Julai 2022**
   Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)
3. **21-23 September 2022**
   Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah
4. **28 Disember 2022**
   Penubuhan Jawatankuasa OACP
5. **16 April 2023**
   Kelulusan Lembaga Pengarah Universiti

3.2 Pembentukan Jawatankuasa OACP UTHM

## Peranan Jawatankuasa

**Merancang, membangun, memantau dan menambahbaik Pelan Antirasuah UTHM**

## Keahlian Jawatankuasa

- **Pengerusi - Penolong Naib Canselor Strategik dan Kualiti**
- **Setiausaha - Ketua Unit Integriti**
- **Sekretariat - Unit Integriti**

- **Ahli Tetap**

i. Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
ii. Penasihat Undang-Undang
iii. Pengarah Bahagian Pengurusan Organisasi
iv. Pengarah Pejabat Antarabangsa
v. Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan
vi. Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pelajar
vii. Pengarah Bahagian Sumber Manusia
viii. Ketua Unit Audit Dalam
ix. Ketua Bahagian Gubalan Undang-Undang dan Tatatertib

3.3 Membuat Analisa Risiko Rasuah UTHM

Sumber analisa risiko rasuah UTHM:

i. Aduan yang diterima
ii. Hasil audit dalaman
iii. Input daripada pelbagai PTj di UTHM

Tarikh:
**28-30 Julai 2022**

Jumlah ahli:
**38 orang**

Dapatan awal:
**145 risiko rasuah**

Tapisan 1:
**65 risiko rasuah**

Tapisan 2:
**35 risiko rasuah**



Semua risiko yang didaftarkan telah dinilai dari segi impak dan kebarangkalian berlaku bagi mendapatkan tahap bagi setiap risiko tersebut. Penilaian rating adalah berpandukan pada rajah 2, manakala hasil penilaian rating sebanyak 35 risiko bersama pemegang taruh yang berkaitan adalah seperti dalam rajah 3.

| Kebarangkalian (Likelihood Occurrence) | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | *Almost Certain* | SIGNIFIKAN ( 5 ) | SIGNIFIKAN ( 10 ) | TINGGI ( 15 ) | TINGGI ( 20 ) | TINGGI ( 25 ) |
| | *Likely* | SEDERHANA ( 4 ) | SIGNIFIKAN ( 8 ) | SIGNIFIKAN ( 12 ) | TINGGI ( 16 ) | TINGGI ( 20 ) |
| | *Moderate* | RENDAH ( 3 ) | SEDERHANA ( 6 ) | SIGNIFIKAN ( 9 ) | TINGGI ( 12 ) | TINGGI ( 15 ) |
| | *Unlikely* | RENDAH ( 2 ) | RENDAH ( 4 ) | SEDERHANA ( 6 ) | SIGNIFIKAN ( 8 ) | TINGGI ( 10 ) |
| | *Rare* | RENDAH ( 1 ) | RENDAH ( 2 ) | SEDERHANA ( 3 ) | SIGNIFIKAN ( 4 ) | SIGNIFIKAN ( 5 ) |
| | | *Insignificant* | *Minor* | *Moderate* | *Major* | *Catastrophic* |
| | | Akibat *(Magnitude of Impact)* | | | | |

Rajah 2: Rating Risiko

| KUMPULAN | RATING RISIKO | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | TINGGI | SIGNIFIKAN | SEDERHANA | RENDAH | JUMLAH |
| Pengurusan Sumber Manusia / Governan | 2 | 2 | 3 | 4 | 11 |
| Akademik | 0 | 1 | 2 | 3 | 6 |
| Kewangan | 4 | 1 | 0 | 0 | 5 |
| Hal Ehwal Pelajar | 0 | 0 | 2 | 2 | 4 |
| Keselamatan Fizikal Dan Personel | 2 | 0 | 2 | 0 | 4 |
| Penyelidikan | 1 | 1 | 1 | 0 | 3 |
| Penjanaan Kekayaan | 0 | 0 | 2 | 0 | 2 |
| JUMLAH | 9 | 5 | 12 | 9 | 35 |

Rajah 3: Hasil Rating Risiko UTHM

### 3.4 Pembentukan Pelan Antirasuah UTHM

| **Tarikh: 21-23 September 2022** | **Jumlah ahli: 34 orang** |
|---|---|

Hasil bengkel:

i. Kerangka Pelan Antirasuah UTHM
ii. Pelan Tindakan Antirasuah UTHM
iii. Draf buku Pelan Antirasuah UTHM

3.5 Kerangka Pelan Antirasuah UTHM

| ASPIRASI NASIONAL<br>Malaysia Dikenali Kerana Integriti Dan Bukan Rasuah | | | | |
|---|---|---|---|---|
| VISI | Menjadi Universiti Teknikal Global Bebas Rasuah | | | |
| MISI | Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus Dan Integriti Warga Universiti Ke Arah Bebas Rasuah | | | |
| MATLAMAT | Tadbir Urus Yang Cekap | | Warga Universiti Yang Berintegriti | |
| BIDANG KEUTAMAAN | Akademik dan Pelajar | Penyelidikan dan Penjanaan Pendapatan | Pentadbiran Kewangan dan Pengurusan Perolehan | Governan dan Integriti Organisasi |
| STRATEGI | Memperkukuh Pentadbiran Akademik Yang Profesional | Memperkasa Tadbir Urus Penyelidikan Dan Inovasi | Mempertingkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Dalam Pentadbiran Kewangan | Memperkasa Struktur, Sistem, Dasar Dan Peraturan |
| | Memantapkan Pengurusan Hal Ehwal Pelajar Yang Cekap | Memantapkan Ekosistem Technopreneur | Mempertingkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Dalam Pengurusan Perolehan | Memperkukuh Budaya Kerja Berasaskan Nilai Amanah, Profesional Dan Inovatif |
| | | | Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Dalam Pengurusan Aset Universiti | |



# PELAN TINDAKAN PENCEGAHAN RASUAH

Bagi membangunkan OACP yang mendukung hasrat UTHM untuk bebas rasuah, risiko-risiko yang telah dikenal pasti telah dikelaskan kepada 4 Bidang Keutamaan seperti yang berikut:

| Akademik dan Pelajar (A) | Penyelidikan dan Penjanaan Pendapatan (B) | Pentadbiran Kewangan dan Pengurusan Perolehan (C) | Governan dan Integriti Organisasi (D) |
|---|---|---|---|
| 7 Inisiatif | 4 Inisiatif | 7 Inisiatif | 17 Inisiatif |
| 2 Strategi | 2 Strategi | 3 Strategi | 2 Strategi |
| 4 Objektif Strategi | 2 Objektif Strategi | 4 Objektif Strategi | 9 Objektif Strategi |

## BIDANG KEUTAMAAN A: AKADEMIK DAN PELAJAR

| STRATEGI 1:<br>Memperkukuh Pentadbiran Akademik Yang Profesional | | | |
|---|---|---|---|
| OBJEKTIF STRATEGI 1.1 :<br>Menambahbaik Mekanisme Proses Penentuan Penyelia Pelajar Pasca Siswazah | | | |
| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH |
| 1.1.1 | Melaksanakan kaedah penggiliran melalui perbincangan/ pertimbangan dan diperakukan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti | Pusat Pengajian Siswazah | Jan 2023 – Mac 2023 |
| 1.1.2 | Menggunakan Supervision Database secara efektif dalam penentuan proses pemilihan penyelia di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti | Pusat Pengajian Siswazah | Jan 2023 – Dis 2023 |

| STRATEGI 2: Memantapkan Pengurusan Hal Ehwal Pelajar Yang Cekap | | | |
|---|---|---|---|
| **OBJEKTIF STRATEGI 2.1 :** Menambahbaik Proses Pengambilan Pelajar Antarabangsa | | | |
| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH |
| 2.1.1 | Menambahbaik SOP Pendaftaran Pelajar Antarabangsa | Pejabat Antarabangsa<br>Pusat Pengajian Siswazah | Jan 2023 – Mac 2023 |
| 2.1.2 | Menambahbaik mekanisme verifikasi antara *introducer* dan pelajar di dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMPi) | Pejabat Antarabangsa<br>Pusat Pengajian Siswazah | Jan 2023 – Jun 2023 |

**OBJEKTIF STRATEGI 2.2 :**
Menambahbaik Mekanisme Rayuan Kemasukan Pelajar Baharu

| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH |
|---|---|---|---|
| 2.2.1 | Menubuhkan Jawatankuasa Rayuan Kemasukan Pelajar yang akan membuat keputusan secara kolektif | Pejabat Pengurusan Akademik | Jan 2023 – Mac 2023 |

**OBJEKTIF STRATEGI 2.3 :**
Menambahbaik Proses Pembaharuan VISA dan Pas Pelajar Antarabangsa

| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH |
|---|---|---|---|
| 2.3.1 | Menambahbaik SOP Pembaharuan VISA/Pas Pelajar | Pejabat Antarabangsa | Jan 2023 – Jun 2023 |
| 2.3.2 | Pendigitalan Sistem Pembaharuan VISA | Pejabat Antarabangsa | Jan 2023 – Dis 2023 |

## BIDANG KEUTAMAAN B: PENYELIDIKAN DAN PENJANAAN PENDAPATAN

| **STRATEGI 3:**<br>Memperkasa Tadbir Urus Penyelidikan Dan Inovasi | | | |
|---|---|---|---|
| **OBJEKTIF STRATEGI 3.1 :**<br>Menambahbaik Tadbir Urus Geran Penyelidikan | | | |
| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH |
| 3.1.1 | Jerayawara modul (Etika & Tatacara Pengurusan Geran) | Pusat Pengurusan Penyelidikan | Jan 2023 – Dis 2023 |
| 3.1.2 | Membuat semakan due diligence terhadap penerima geran penyelidikan secara berkala bagi memastikan geran diuruskan mengikut prosedur yang betul | Pusat Pengurusan Penyelidikan | Jan 2023 – Dis 2023 |
| 3.1.3 | Membuat pemilihan penerima geran penyelidikan baharu daripada sumber dalaman melalui Jawatankuasa Penyelidikan | Pusat Pengurusan Penyelidikan | Jan 2023 – Dis 2023 |

| STRATEGI 4: Memantapkan Ekosistem Technopreneur | | | |
|---|---|---|---|
| **OBJEKTIF STRATEGI 4.1 :** Menambahbaik Mekanisme Proses Pemilihan Individu/Syarikat Dalam Penyewaan | | | |
| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH |
| 4.1.1 | Mewujudkan senarai semak dan menyemak semula TOR Jawatankuasa Pembangunan Perniagaan | Pusat Pembangunan Perniagaan | Jan 2023 – Jun 2023 |

## BIDANG KEUTAMAAN C: PENTADBIRAN KEWANGAN DAN PENGURUSAN PEROLEHAN

**STRATEGI 5:**
Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Dalam Pentadbiran Kewangan

**OBJEKTIF STRATEGI 5.1 :**
Mengurangkan Ketidakpatuhan, Risiko Rasuah Serta Penyelewengan Dalam Pentadbiran Kewangan

| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH |
|---|---|---|---|
| 5.1.1 | Membentang laporan ketidakpatuhan pengurusan kewangan dalam mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah UTHM | Pejabat Bendahari | Jan 2023 – Dis 2023 |

**OBJEKTIF STRATEGI 5.2 :**
Menambah Baik Tatacara Pengurusan Zakat UTHM

| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH |
|---|---|---|---|
| 5.2.1 | Menambahbaik TOR Jawatankuasa Pengurusan Zakat UTHM | Pusat Islam<br>Pejabat Hal Ehwal Pelajar | Jan 2023 – Jun 2023 |
| 5.2.2 | Menambah baik tadbir urus dan tatacara penentuan jumlah dana bantuan zakat atau sumbangan kepada staf, pelajar atau agensi | Pejabat Hal Ehwal Pelajar<br>Pusat Islam | Jan 2023 – Jun 2023 |

**STRATEGI 6:**
Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Dalam Pengurusan Perolehan

**OBJEKTIF STRATEGI 6.1 :**
Mengurangkan Ketidakpatuhan, Risiko Rasuah Serta Penyelewengan Dalam Pengurusan Perolehan

| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH |
|---|---|---|---|
| 6.1.1 | Menambah kekerapan pelaksanaan pengauditan perolehan secara berkala | Unit Audit Dalam | Jan 2023 – Jan 2026 |
| 6.1.2 | Meningkatkan pemantauan / penyeliaan yang lebih berkesan bagi proses kerja perolehan | Pejabat Bendahari<br>Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan | Jan 2023 – Jan 2026 |

| STRATEGI 7: Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Dalam Pengurusan Aset Universiti | | | |
|---|---|---|---|
| **OBJEKTIF STRATEGI 7.1 :** Mengurangkan Ketidakpatuhan, Risiko Rasuah Serta Penyelewengan Dalam Pengurusan Aset | | | |
| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH |
| 7.1.1 | Menambahbaik tatacara kemasukan dan pengeluaran aset milik Universiti atau kontraktor | Bahagian Keselamatan | Jan 2023 – Dis 2023 |
| 7.1.2 | Membuat hebahan secara berkala mengenai prosedur kawalan akses pintu masuk Universiti dan aset alih kepada setiap PTj dan kontraktor terlibat | Bahagian Keselamatan | Jan 2023 – Dis 2023 |

## BIDANG KEUTAMAAN D: GOVERNANS DAN INTEGRITI ORGANISASI

| **STRATEGI 8:**<br>Memperkasa Struktur, Sistem, Dasar dan Peraturan | | | |
|---|---|---|---|
| **OBJEKTIF STRATEGI 8.1 :**<br>Meningkatkan Kecekapan dan Keselamatan Pengendalian Dokumen Terperingkat | | | |
| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH |
| 8.1.1 | Mewujudkan garis panduan pengendalian dokumen terperingkat UTHM | Bahagian Pengurusan Organisasi | Jan 2023 – Dis 2023 |
| 8.1.2 | Melaksanakan pembaharuan aku janji menjaga kerahsiaan (Akta Rahsia Rasmi) pada setiap tahun secara atas talian melalui sistem e-LNPT | Bahagian Pengurusan Organisasi<br>Bahagian Sumber Manusia<br>Pusat Teknologi Maklumat | Jan 2023 – Dis 2023 |

| **OBJEKTIF STRATEGI 8.2 :**<br>Memantapkan Mekanisme Pencalonan Penganugerahan | | | |
|---|---|---|---|
| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH |
| 8.2.1 | Mewujudkan Garis Panduan Pencalonan Penganugerahan | Bahagian Pengurusan Organisasi | Jan 2023 – Dis 2023 |

| **OBJEKTIF STRATEGI 8.3 :**<br>Menambahbaik Mekanisme Pengendalian Maklumat Keselamatan Fizikal dan Personel | | | |
|---|---|---|---|
| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH |
| 8.3.1 | Mewujudkan garis panduan keselamatan fizikal dan personel UTHM berpandukan Arahan Keselamatan Kerajaan | Bahagian Keselamatan | Jan 2023 – Dis 2023 |

| OBJEKTIF STRATEGI 8.4 : Memastikan ketelusan dalam proses pelantikan dan penempatan pegawai tanpa sebarang kepentingan peribadi | | | |
|---|---|---|---|
| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH |
| 8.4.1 | Mewujudkan dasar penempatan dan pemindahan staf UTHM | Bahagian Sumber Manusia | Jan 2023 – Dis 2023 |
| 8.4.2 | Membangunkan sistem berkomputer permohonan pertukaran penempatan dan pemindahan staf UTHM | Bahagian Sumber Manusia | Jan 2023 – Dis 2023 |

| OBJEKTIF STRATEGI 8.5 : Memastikan tatacara kenaikan pangkat dilaksanakan dengan telus | | | |
|---|---|---|---|
| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH |
| 8.5.1 | Menambahbaik dasar dan kriteria kenaikan pangkat sedia ada mengikut keperluan semasa | Bahagian Sumber Manusia | Jan 2023 – Dis 2023 |
| 8.5.2 | Mengintegrasi sistem kenaikan pangkat dan e-prestasi | Bahagian Sumber Manusia | Jan 2023 – Dis 2023 |

**OBJEKTIF STRATEGI 8.6 :**
Meningkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Dalam Pengurusan Aduan Integriti, Siasatan dan Tatatertib Melalui Pemantapan dan Pemerkasaan Keupayaan Unit Integriti

| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH |
|---|---|---|---|
| 8.6.1 | Mewujudkan perjawatan untuk Ketua Unit Integriti dan mendapatkan kelulusan Pihak Pengurusan Universiti dalam penstrukturan semula Unit Integriti setaraf dengan penarafan risiko oleh SPRM | Bahagian Sumber Manusia | Jan 2023 – Dis 2023 |
| 8.6.2 | Mewujudkan Referral Policy (Polisi Merujuk Kes-kes Jenayah kepada Pihak Luar / Agensi Penguatkuasa) | Unit Integriti<br>Pejabat Penasihat Undang-Undang | Jan 2023 – Dis 2023 |

| **OBJEKTIF STRATEGI 8.7 :**<br>Meningkatkan kecekapan pengendalian Kad Keselamatan | | | |
|---|---|---|---|
| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH |
| 8.7.1 | Mewujudkan sistem keselamatan akses pelbagai | Bahagian Keselamatan<br>Pusat Teknologi Maklumat | Jan 2023 – Dis 2023 |
| 8.7.2 | Menambahbaik prosedur pengeluaran kad keselamatan | Bahagian Keselamatan<br>Pusat Teknologi Maklumat | Jan 2023 – Dis 2023 |
| 8.7.3 | Mewujudkan polisi berkaitan Kad Akses *(Access Card)* | Bahagian Keselamatan<br>Pusat Teknologi Maklumat | Jan 2023 – Dis 2023 |

**STRATEGI 9:**
Memperkukuh Budaya Kerja Berasaskan Nilai Amanah, Profesional dan Inovatif

**OBJEKTIF STRATEGI 9.1 :**
Meningkatkan sahsiah staf

| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH |
|---|---|---|---|
| 9.1.1 | Mewajibkan semua staf menghadiri kursus pemantapan integriti, Akta 605 dan nilai API | Pusat Kepimpinan dan Kompetensi<br>Pejabat Penasihat Undang-Undang<br>Unit Integriti | Jan 2023 – Dis 2023 |
| 9.1.2 | Meningkatkan hebahan integriti secara berkala dengan memaksimakan penggunaan pelbagai medium | Unit Integriti | Jan 2023 – Dis 2023 |

**OBJEKTIF STRATEGI 9.2 :**
Meningkatkan Kompetensi Pegawai Yang Menguruskan Aduan Integriti, Siasatan dan Tindakan Tatatertib

| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH |
|---|---|---|---|
| 9.2.1 | Meningkatkan kompetensi pegawai yang menguruskan aduan, siasatan dan tindakan tatatertib melalui program-program kompetensi yang bersesuaian | Unit Integriti<br>Pejabat Penasihat Undang-Undang<br>Pusat Kepimpinan Dan Kompetensi | Jan 2023 – Dis 2024 |
| 9.2.2 | Memastikan pegawai yang menguruskan hal ehwal integriti ditauliahkan sebagai *Certified Integrity Officer* (CeIO) | Pusat Kepimpinan Dan Kompetensi | Jan 2023 – Dis 2024 |

## Pemantauan dan Pelaporan

Bagi memastikan keberkesanan dan kelestarian OACP, pelaksanaan OACP akan dipantau dan dikaji oleh Unit Integriti secara berkala. Kajian semula risiko, strategi dan inisiatif akan dibuat sejajar dengan perubahan semasa dan keperluan strategik UTHM. Dengan cara ini, OACP akan kekal relevan bagi mencapai visi UTHM sebagai universiti teknikal yang bebas rasuah.




Rajah 4: Mekanisme pelaporan inisiatif OACP




Rajah 5: Penambahbaikan Berterusan OACP UTHM 2023-2027

## RUMUSAN

OACP merupakan satu usaha berfokus UTHM dalam mencegah kebarangkalian berlakunya rasuah di universiti. Pelan ini meliputi skop akademik, pelajar, penyelidikan, penjanaan pendapatan, kewangan, perolehan, tadbir urus dan modal insan. Terdapat **9 strategi dan 35 inisiatif** telah digariskan selari dengan misinya iaitu meningkatkan kecekapan tadbir urus dan integriti warga universiti ke arah bebas rasuah.

Diharapkan OACP UTHM ini dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada pihak pengurusan UTHM dan Pusat Tanggungjawab/Bahagian/Unit dalam menyelaras dan memantau pelaksanaan OACP UTHM.

## PENGHARGAAN

- Prof.  Dr. Mas Fawzi bin Mohd. Ali (Penolong Naib Canselor (Strategik dan Kualiti)
- Encik Norzaimi bin Hamisan (Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan)
- Puan Norliah binti Yaakub (Penasihat Undang-Undang)
- Prof. Madya Dr. Muhammad Ramlee bin Kamarudin (Pengarah Pejabat Antarabangsa)
- Prof. Dr. Nafarizal bin Nayan (Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan)
- Puan Shereen Sabrina binti Abd. Shukor (Pengarah Bahagian Pengurusan Organisasi)
- Puan Haszrinaz binti Husain@Hashim (Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pelajar)
- Encik Abd Ahmad Farid bin Md. Said (Pengarah Bahagian Sumber Manusia)
- Tuan Haji Abdul Malek bin Ibrahim (Ketua Unit Audit Dalam)
- Encik Eaddy bin Zainal Abidin (Ketua Unit Integriti)
- Dr. Juzaimi bin Nasuredin (Ketua Jabatan Pengurusan Risiko)
- Puan Nafisah binti Hamzah (Ketua Bahagian Gubalan Undang-Undang dan Tatatertib)
- Cik Sharifah Liyana Marissa binti Syed Abdul Malik (Unit Integriti)
- Prof. Madya Dr. Nik Hisyamudin bin Muhd Nor (Pejabat Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko)
- Puan Nurhuda binti Khamis (Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Encik Lukman bin Muntaha (Pejabat Bendahari)
- Puan Maryam binti Husni (Pejabat Hal Ehwal Pelajar)
- Encik Jasnizam bin Sami (Pusat Sukan Universiti)
- Dr. Noor Azizi bin Mardi (Pusat Inovasi dan Pengkomersilan)

- Ts. Dr. Latifah binti Md. Ariffin (Pusat Pembangunan Perniagaan) FKMP
- Prof. Madya Dr. Siti Sarah binti Omar (Pusat Teknousahawan Universiti)
- Puan Razmarina binti Zainal (Pejabat Pentadbiran Kampus Pagoh)
- Ts. Azamuddin bin Rasidi (Pusat Teknologi Maklumat)
- Puan Radin Dewistiawati binti Radin Mohamed (Pusat Perumahan Pelajar)
- Puan Nur Farahana binti Azman (Bahagian Sumber Manusia)
- Puan Noor Hidayah binti Abdullah (Bahagian Sumber Manusia)
- Dr. Mohd Hairul bin Khamidun (Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum)
- Ustazah Zurina binti Muhammad @ Shamsudin (Pusat Islam)
- Puan Norhidayah binti Mokhtar (Unit Audit Dalam)
- Encik Fakhrul Annuar bin Mohamed Shukri (Bahagian Keselamatan)
- Encik Ainnul Ezwan bin Hassan (Pejabat Bendahari)
- Puan Maizatul Fahimah binti Miskan (Pusat Inovasi dan Pengkomersilan)
- Puan Nur Faezah binti Mohamed Noor (Institut Kejuruteraan Integrasi)
- Encik Mohamed Nasrul bin Mohamed Hatta (Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan)
- Dr. Mohd Yussni bin Hashim (Pusat Teknousahawan Universiti) FKMP
- Ts. Dr. Norrizam bin Mohmad Jaat @ Mohd Noh (Kolej Kediaman Kampus Pagoh)
- Dr. Mohd Zul Hilmi bin Mayzan (Pejabat Pengurusan Makmal) UTHM Kampus Cawangan Pagoh
- Ts. Suprihartati Murni Lestari binti Sutekno (Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan)

- Encik Mohd Rosli bin Harun (Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan)
- Puan Siti Hajar binti Abdullah Zawawi (Bahagian Sumber Manusia)
- Dr. Mohd Hisyam bin Abdul Rahim (Pusat Pengajian Siswazah)
- Puan Rafizatul binti Rabu (Pusat Pengajian Siswazah)
- Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Khairul bin Ahmad (Pusat Pengurusan Penyelidikan) FKEE
- Encik Adzimat bin Masuood (Pusat Teknologi Maklumat)
- Puan Liza binti Md. Apandi (Pejabat Pengurusan Akademik)
- Encik Nur Azam bin Mohd Napis (Bahagian Pengurusan Organisasi)
- Cik Nurul Amira binti Nordin (Bahagian Pengurusan Fasiliti)
- Dr. Saidatun Nisak binti Derwis (Pusat Kesihatan Universiti)
- Encik Muhammad Nur Afiq bin Johari (Bahagian Pengurusan Organisasi)
- Puan Norlin binti Bistamam (Bahagian Pengurusan Organisasi)
- Encik Nurhakim bin Mohamad Ismon (Bahagian Pengurusan Organisasi)
- Encik Muhammad Iezal bin Abdul Gani (Pejabat Penolong Naib Canselor (Strategik dan Kualiti)
- Puan Izyan Izzati binti Roslan (Pejabat Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko)
- Encik Abdullah Fairuz bin Md Rajab (Unit Integriti)
- Encik Zainizam bin Md Saeim (Unit Integriti)
- Muhammad Nazmi Bin Satari (Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat)
- Puan Herni Zalina binti Mustapha (Bahagian Pengurusan Organisasi)

Diterbitkan oleh:
Unit Integriti
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim, Malaysia
07-453 7182 | 07-453 7356

www.uthm.edu.my

GTU 2030
Global Technopreneur University 2030

UTHM Johor | subscribe UTHM TV



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim, Malaysia